SIARAN MEDIA

SIMPOSIUM JPSM 2026 PERKUKUH TADBIR URUS DAN PENGURUSAN HUTAN LESTARI

Kuantan, Pahang | 30 Oktober 2026 – Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) terus memperkukuh komitmen terhadap pengurusan hutan secara lestari menerusi penganjuran Simposium Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2026 yang berlangsung pada 29 hingga 30 Oktober 2026 di Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan, Pahang.

Menurut Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah, simposium ini bukan sekadar sebagai medan pertemuan dan pertukaran pandangan, tetapi sebagai platform untuk mengenal pasti pendekatan yang lebih berkesan dalam memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kecekapan pengurusan dan keberkesanan pelaksanaan program perhutanan.

Simposium ini memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama, iaitu hala tuju dasar dan tadbir urus dalam pengurusan hutan lestari di Semenanjung Malaysia; pengurusan hutan bagi meningkatkan sosioekonomi dan memelihara alam sekitar; pemuliharaan biodiversiti hutan melalui pengurusan hutan lestari; serta aplikasi teknologi dalam pengurusan dan penguatkuasaan hutan.

Sehingga tahun 2025, Semenanjung Malaysia merekodkan 5.76 juta hektar kawasan berhutan, dengan 4.85 juta hektar diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK). Daripada keseluruhan kawasan HSK, sebanyak 4.14 juta hektar telah memperoleh pensijilan di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS), melibatkan tujuh Jabatan Perhutanan Negeri.

Dalam usaha pemulihan ekosistem hutan, JPSM telah berjaya memulihkan lebih daripada 1,700 hektar kawasan hutan terosot melalui penanaman 1.03 juta pokok sejak tahun 2017. Selain daripada itu, Program Penghijauan Malaysia Menerusi Kempen Penanaman 100 Juta Pokok telah merekodkan sebanyak 137.3 juta pokok ditanam di seluruh negara sepanjang tempoh 2021 hingga 2025.

JPSM turut memperkasa pendigitalan melalui sistem Pendigitalan Sumber Operasi Hutan (PSOH) dan pendekatan *War Room* yang memanfaatkan teknologi geospatial, imej satelit serta sistem pemantauan digital bagi meningkatkan kecekapan pemantauan, pengesanan pencerobohan dan penguatkuasaan hutan.

Secara keseluruhannya, simposium ini menjadi platform strategik untuk memperkukuh kompetensi warga perhutanan dan perkongsian amalan terbaik. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan JPSM dalam memastikan khazanah hutan negara terus dipelihara demi kesejahteraan rakyat, kelestarian alam sekitar dan ekonomi yang berdaya saing.

Turut hadir ke simposium ini adalah Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan), Yang Berbahagia Dato' Haji Roslan bin Rani dan Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Yang Hormat Dato' Dr. Grippin anak Akeng.

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
30 OKTOBER 2026

MALAYSIA MADANI

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Tel: 03-2616 4488| Faks: 03-2692 5657

JPSMOfficial